



FAKTOR–FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEBERKESANAN AMALI
KERJA KAYU DARI PERSPEKTIF PELAJAR SEKOLAH
VOKASIONAL DI PROVINSI ACEH

LAILAN FACHRAH



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SAINS PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan dan tahap keberkesanan amali kerja kayu dari perspektif pelajar sekolah vokasional di Provinsi Aceh. Antara faktor-faktor yang dikaji ialah faktor kelengkapan, keselamatan, persekitaran bengkel dan kemahiran guru serta minat pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Objektif kajian adalah untuk melihat perbezaan antara faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu berdasarkan faktor-faktor demografi. Seramai 130 responden telah dipilih secara rawak dari enam buah sekolah menengah vokasional di Provinsi Aceh. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu berdasarkan faktor demografi. Manakala dapatan kajian daripada analisis regresi linear berganda menunjukkan bahawa hanya empat faktor (faktor persekitaran bengkel, faktor minat pelajar, faktor kemahiran guru dan faktor kelengkapan bengkel) yang mempengaruhi keberkesanan amali kerja kayu dengan nilai pekali korelasi $r = 0.78$. Ini menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan daripada keempat-empat faktor keberkesanan amali kerja kayu dengan menyumbang sebanyak 60.6 peratus ($R^2 = 0.606$) perubahan varians. Kesimpulannya, persekitaran bengkel adalah faktor yang paling mempengaruhi keberkesanan amali kerja kayu dengan menyumbang 43.3 peratus ($R^2 = 0.433$) perubahan varians dalam keberkesanan amali kerja kayu. Kajian ini menunjukkan perlunya perhatian dari pihak yang berkuasa dalam usaha penambahbaikan kemudahan dan prasarana di dalam bengkel serta isu keselamatan dalam bengkel agar keberkesanan amali kerja kayu menjadi lebih mantap di masa hadapan.





FACTORS AFFECTING THE EFFECTIVENESS OF PRACTICAL WORK FOR WOODWORKING FROM THE PERSPECTIVES OF VOCATIONAL SCHOOL STUDENTS IN ACEH PROVINCE

ABSTRACT

This study aims to identify the factors that influence the effectiveness of practical work and to determine the effectiveness level of practical for woodworking based on vocational school students' perspective in Aceh Province. Among the factors studied were the workshop equipment, safety, environment, teachers' skill and students' interest. The study used quantitative and qualitative research methods. The objective of this research was to investigate the differences between the factors of the woodworking practical effectiveness with the demographic factor. A total of 130 respondents were randomly selected from six vocational schools in the Aceh province. Result showed no significant difference in the factors of woodworking practical effectiveness by demographic factors except in the parents' occupation and the income level. Meanwhile, regression analysis indicated only four factors (workshop environment, equipment, student's interest and teachers' skill) affected the effectiveness of woodworking practical ($r = 0.78$). In addition, a significant difference from the woodworking practical effectiveness of these four factors contributing 60.6 percent ($R \text{ square} = 0.606$) variance changes was obtained. As a conclusion, the workshop environment is the most influential factor, contributing 43.3 percent ($R \text{ square} = 0.433$) variance changes in the effectiveness of practical work for woodworking. The study concludes that the effort from the authorities is needed to improve the facilities and infrastructure in the workshop as well as the safety issues so that the woodworking effectiveness will be more efficient in future.



**KANDUNGAN****Muka Surat****PENGAKUAN** ii**PENGHARGAAN** iii**ABSTRAK** iv**ABSTRACT** v**KANDUNGAN** vi**SENARAI JADUAL** xii**SENARAI RAJAH** xvi**SENARAI SINGKATAN** xiv**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Pernyataan Masalah 8

1.3 Pendekatan Teori atau Model 13

1.4 Tujuan dan Objektif Kajian 15

1.5 Persoalan Kajian 15

1.6 Hipotesis Kajian 16

1.7 Signifikan Kajian 17

1.8 Batasan Kajian 17





1.9 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.10 Definisi Operasional	20
1.10.1 Keberkesanan	20
1.10.2 Kerja Kayu	20
1.10.3 Vokasional	21
1.10.4 Bengkel	21
1.10.5 Kelengkapan Bengkel	22
1.10.6 Keselamatan Bengkel	22
1.10.7 Kemahiran Guru	23
1.10.8 Persekitaran Bengkel	23
1.10.9 Minat Pelajar	24
1.11 Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1. Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di dalam bengkel	25
2.1.1. Faktor Kelengkapan di dalam Bengkel	27
2.1.2. Faktor Keselamatan di dalam bengkel	30
2.1.3. Faktor Kemahiran Guru	32
2.1.4. Faktor Persekitaran Bengkel	34
2.1.4.1 Pencahayaan	35
2.1.4.2 Peredaran Udara	36





2.1.4.3	Bunyi Bising	36
2.1.5	Faktor Minat Pelajar	37
2.2	Kajian Lepas	38
2.3	Model Pengajaran Yang Berkaitan	41
2.3.1	Model Pengajaran Sims	41
2.3.1.1	Hubungan Timbal Balik antara guru, pelajar dan objektif	42
2.3.1.2	Hubungan Timbal Balik antara guru, pelajar dan isi pelajaran	42
2.3.1.3	Hubungan Timbal Balik antara guru, pelajar dan persekitaran	43
2.3.2	Model/Teori Pembelajaran Behaviorisme	43
2.3.3	Model atau Teori Pembelajaran Konstruktivisme	44
2.4	Rumusan	45

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	48
3.3	Instrumen Kajian	49
3.3.1	Kajian Rintis	53
3.3.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen kajian	54
3.3.3	Skala Pencapaian Akademik Pelajar	56





3.4 Persampelan	57
3.5 Prosedur Pengambilan Data	59
3.6 Analisis Data	60
3.7 Rumusan	62

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	63
4.2 Analisis Deskriptif	64
4.2.1 Profil Responden Kajian	64
4.2.2 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	64
4.2.3 Taburan Responden Berdasarkan Lokasi Sekolah	65
4.2.4 Taburan Responden Berdasarkan Pencapaian Akademik	66
4.2.5 Status sosio ekonomi pelajar	67
4.2.5.1 Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Ibu Bapa	67
4.2.5.2 Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu Bapa	68
4.2.6 Taburan Responden Berdasarkan Hobi Pelajar	70
4.3 Analisis Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu Responden Sekolah Vokasional	71
4.3.1 Domain Faktor Kelengkapan Bengkel	71





4.3.2	Domain Faktor Keselamatan Bengkel	73
4.3.3	Domain Faktor Kemahiran Guru	76
4.3.4	Domain Faktor Persekitaran Bengkel	78
4.3.5	Domain Faktor Minat Pelajar	79
4.3.6	Domain Keberkesanan Amali Kerja Kayu	81
4.4	Analisis Inferensi	82
4.4.1	Perbezaan Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu Berdasarkan Faktor Demografi	82
4.4.1.1	Perbezaan Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu Berdasarkan Pencapaian Peperiksaan Akhir Tahun bagi mata pelajaran kerja kayu	83
4.4.1.2	Perbezaan Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu Berdasarkan Jantina	84
4.4.1.3	Perbezaan Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu Berdasarkan Pekerjaan Ibu	85
4.4.1.4	Perbezaan Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu Berdasarkan Hobi Pelajar	86
4.4.2	Pengaruh Faktor dan Keberkesanan Amali Kerja Kayu	87
4.5	Analisis Pendekatan Kualitatif	92
4.5.1	Faktor Kelengkapan Bengkel Kerja Kayu	92
4.5.2	Faktor Keselamatan Bengkel	94
4.5.3	Faktor Kemahiran Guru	96
4.5.4	Faktor Persekitaran Bengkel	97
4.5.5	Faktor Minat Pelajar	98
4.5.6	Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Amali Kerja Kayu	99





4.5.7 Cadangan Meningkatkan Keberkesanan Amali Kerja Kayu	102
---	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	104
5.2 Rumusan Kajian	105
5.3 Pebincangan	108
5.3.1 Demografi Responden	108
5.3.2 Persepsi Pelajar mengenai Tahap Faktor-faktor Keberkesanan Amali kerja kayu di Sekolah Vokasioanal di Provinsi Aceh	110
5.3.3 Persepsi Pelajar Mengenai Wujud Perbezaan yang Signifikan Mengenai faktor-faktor Keberkesanan Amali Kerja Kayu Berdasarkan Faktor Demografi Yang Terpilih	113
5.3.4 Persepsi Pelajar Mengenai Pengaruh Yang Signifikan di antara faktor-faktor Keberkesanan Amali Kerja Kayu	115
5.4 Kesimpulan	120
5.5 Implikasi Kajian	121
5.6 Cadangan Kajian	121

RUJUKAN	125
----------------	-----

LAMPIRAN





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan dalam menghasilkan kualiti sumber tenaga manusia. Seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Negara Indonesia Nombor 20 Tahun 2003 yang berkaitan dengan Sistem Pendidikan Nasional yang berbunyi: “*Manusia memerlukan pendidikan dalam kehidupannya. Pendidikan merupakan usaha agar manusia dapat mengembangkan potensi dirinya melalui proses pembelajaran atau cara lain yang dikenali dan diakui oleh masyarakat*” (UU No.20, 2003). Pendidikan merupakan suatu perkara yang dapat mengubah nasib masyarakat sesuatu bangsa. Qodri (2004) menyatakan bahawa pendidikan harus dirancang untuk kehidupan yang lebih baik di masa hadapan. Melalui pendidikan pula, anak-anak mendapatkan nilai-nilai murni yang menjadi bekal untuk kehidupannya di masa hadapan. Pendidikan





telah dijadikan komponen penting dalam agenda pembangunan kerana fungsi dan peranannya yang utama dalam membentuk dan melengkapkan sumber manusia yang berpengetahuan sebagai tenaga penggerak yang menyumbang kepada pembangunan tersebut (Abdul Halim Ali, Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, & Zuber Zain, 2005).

Dalam konteks agama Islam juga disebut bahawa Allah S.W.T. menaikkan darjat seseorang yang ilmunya tinggi di kalangan manusia, ini semua akibat daripada pendidikan yang berjaya. Dalam konteks zaman moden ini, tentunya pendidikan akan terus menjadi komponen penting yang menyumbang kepada kemajuan dan keutuhan bangsa. Apalagi dengan kecanggihan teknologi hari ini, tenaga manusia yang berkualiti daripada segi pengetahuan dan nilai-nilai murni semakin ramai diperlukan (Abdul Halim Ali et al., 2005). Manakala menurut Toffler (2002), pendidikan harus sentiasa fokus pada masa hadapan, oleh itu pendidikan berperanan mengembangkan corak-corak budaya baru agar dapat menolong masyarakat menyesuaikan diri terhadap perubahan – perubahan yang sedang berlangsung dan yang telah terjadi.

Perkembangan global akhir-akhir ini telah menyebabkan banyak perubahan di setiap aspek kehidupan, baik dari segi ekonomi, pendidikan, politik, sosial dan budaya. Carnoy (1999) menyatakan bahawa potensi pengaruh daripada globalisasi adalah banyak dan mendalam serta mempunyai kesan dan akibat yang besar untuk perkembangan sistem pendidikan, yang belum sepenuhnya dinilai. Globalisasi bermakna lebih banyak persaingan, tidak hanya dengan perusahaan lain di kota atau wilayah yang sama, malahan melibatkan persaingan di peringkat nasional dan antarabangsa.





Globalisasi bersama-sama dengan teknologi informasi baru dan proses inovatif yang ditimbulkan menggerakkan revolusi dalam organisasi kerja, produksi dari barangan dan layanan, hubungan antarabangsa, dan juga budaya tempatan. Tidak ada masyarakat yang kebal terhadap pengaruh revolusi ini. Perkara ini merupakan perubahan yang paling asas dari kehidupan sosial dan hubungan antara manusia. Dua pangkalan utama daripada globalisasi adalah informasi dan inovasi, kedua-dua ini adalah pengetahuan yang sangat intensif, bersifat antarabangsa, berkembang pesat dan menghasilkan perkhidmatan dan produk ilmu pengetahuan (Carnoy, 1999). Ilmu pengetahuan adalah dasar globalisasi, maka seharusnya globalisasi juga mempunyai kesan yang mendalam dalam pemindahan ilmu pengetahuan. Carnoy (1999) menganalisa bagaimana globalisasi mempunyai pengaruh terhadap sistem pendidikan, baik yang langsung ataupun tidak langsung, di antaranya ialah:



• Mengubah pasaran tenaga kerja dan sistem pendidikan, disebabkan munculnya permintaan terhadap tenaga kerja yang mampu menghasilkan barangan pengguna bernilai tambah tinggi.

- Terdapat permintaan terhadap penambahan tenaga kerja untuk pendidikan dalam perluasan peranan daripada sektor awam.
- Peluasan penggunaan informasi teknologi untuk memperluas kesempatan pendidikan bagi kelompok sasaran baru dan untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui pembelajaran yang disokong oleh komputer dan akses internet.
- Peralihan budaya yang menghasilkan pergulatan ke atas makna dan nilai dari ilmu pengetahuan.

Analisis ini adalah sumbangan yang besar kepada bidang pendidikan, mempunyai implikasi yang besar kepada kualiti pendidikan, dan kesan yang nyata dari perubahan





teknologi di peringkat sekolah di negara–negara yang sedang berkembang (Carnoy, 1999).

Era persaingan global ini memberikan kesan berganda. Di satu sisi, era globalisasi membuka kerjasama yang seluas–luasnya antara negara, namun di sisi lain merupakan era persaingan anatarabangsa yang semakin sengit. Negara maju, seperti Amerika Syarikat, Jepun, dan China dijangkakan akan menerima banyak manfaat dari era perdagangan bebas. Sedangkan bagi negara berkembang, seperti Indonesia, hal ini merupakan satu cabaran utama, kerana harus lebih meningkatkan daya saing dengan membentuk keunggulan persaingan di semua sektor, baik sektor produk mahupun perkhidmatan dengan menonjolkan kemampuan sumber manusia yang berkualiti, teknologi dan kemampuan pengurusan yang baik (Pavlova, 2009).



Dalam menghadapi cabaran global tersebut, pendidikan vokasional adalah salah satu penyelesaian yang tepat bagi bangsa Indonesia untuk terus berupaya meningkatkan sumber manusia yang berkualiti dengan menekankan penguasaan kompetensi baik bagi guru mahupun bagi pelajar. Hal ini sesuai dengan visi sekolah vokasional (di Indonesia, namanya Sekolah Menengah Kejuruan/SMK), iaitu terwujudnya SMK bertaraf antarabangsa, menghasilkan graduan yang memiliki jati diri bangsa, mampu mengembangkan keunggulan tempatan dan bersaing di pasaran global (Direktorat Pembinaan Sekolah Menengah Kejuruan, 2011). Pendidikan vokasional dikembangkan kerana adanya keperluan masyarakat kepada pekerjaan (Wardiman, 1998). Pelajar memerlukan program yang dapat memberikan keterampilan, pengetahuan, sikap kerja, pengalaman, wawasan, dan jaringan yang dapat membantu mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan pilihan kariernya (Billet,





2009). Hal ini sesuai dengan Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 29 Tahun 1990 Bab I pasal 1 iaitu: “Pendidikan vokasional adalah pendidikan pada peringkat pendidikan menengah yang mengutamakan persiapan pelajar untuk memasuki lapangan kerja serta mengembangkan sikap profesional”. Peraturan Pemerintah Nombor 73 Tahun 1991, pasal 3 ayat 6 menyatakan dengan lebih lanjut bahawa: “Pendidikan vokasional merupakan pendidikan yang mempersiapkan pelajarnya untuk dapat bekerja dalam bidang tertentu”. Pendidikan vokasional menjurus kepada bidang khas, agar pelajar boleh memiliki ketrampilan dan keahlian yang khas, seperti perniagaan, pembuatan, pertanian, sains rumah tangga, otomotif, telekomunikasi, elektrik, bangunan, kerja kayu dan sebagainya.

Billet (2011) menyatakan bahawa pendidikan vokasional mempunyai pelbagai



tujuan. Namun, ada empat tujuan yang paling utama yang ditumpukan, iaitu: (1) penyediaan untuk kehidupan kerja termasuk pemberitahuan maklumat kepada seseorang tentang pemilihan pekerjaannya, (2) persiapan awal daripada seseorang untuk kehidupan kerja termasuk mengembangkan kapasiti untuk melatih pekerjaan yang mereka pilih, (3) pengembangan yang berterusan dari seseorang melalui kehidupan kerja mereka melalui persyaratan untuk pencapaian perubahan kerja dari masa ke masa, (4) persediaan dari pengalaman pendidikan yang menyokong peralihan dari satu pekerjaan ke pekerjaan lainnya sebagai individu, baik yang dipilih mahupun dipaksa untuk mengubah pekerjaan yang berlawanan dengan pekerjaan seharian. Oleh itu, perhatian pendidikan meliputi cara untuk membantu individu dalam mengenalpasti pekerjaan yang sesuai untuk mereka, kemampuan awal yang diperlukan oleh pekerjaan tersebut, kemudian penambahbaikan daripada kemampuan tersebut dan perkembangan yang berterusan melalui pekerjaan seharian dan cara





untuk mengekalkan pekerjaan. Manakala Atchoarena (2009) menyatakan bahawa pendidikan vokasional dikembangkan tidak semata-mata dengan menggunakan instrumen pendidikan tetapi juga menggunakan instrumen sosial, ekonomi, politik, dan juga tenaga kerja. Pengembangan pendidikan vokasional memerlukan kesemua aspek ini agar terbentuknya kerjasama, sokongan dan penglibatan penuh dari organisasi kerajaan dan bukan pemerintah, di mana persefahaman di antara *stakeholder* akan dapat dibina (Hiniker & Putnam, 2009).

Menurut Ramlee (2012), aspirasi transformasi pendidikan vokasional adalah untuk membuka jalan ke arah melahirkan modal insan yang relevan dengan keperluan semasa serta mampu menghadapi persaingan global. Dasar Pendidikan Vokasional adalah untuk memenuhi keperluan tenaga negara dengan cara memperkemaskan sistem pendidikan vokasional ke arah teknikal. Strategi pelaksanaan termasuk: (a) menambah tempat belajar di pendidikan teknikal dan vokasional, (b) mempelbagai kursus teknikal dan vokasional yang sesuai dengan keperluan negara, dan (c) mengkaji sistem sedia ada daripada masa ke masa. Pendidikan kejuruan harus responsif dan antisipatif terhadap kemajuan teknologi (Wardiman, 1998). Kemakmuran dan kekuatan suatu negara terletak pada penguasaan dan pemanfaatan ilmu pengetahuan dan teknologi (Tilaar, 2002). Dalam persaingan budaya global pendidikan vokasional semestinya mempunyai hala tujuan yang jelas, identiti dan pegangan yang kukuh. Konsep vokasional dalam konteks kerajaan Indonesia dapat diilhami dari pandangan dan pikiran Ki Hadjar Dewantara dengan ungkapan “*ngelmu tanpa laku kothong, laku tanpa ngelmu cupet*” yang bermakna ilmu tanpa ketrampilan adalah kosong, sebaliknya ketrampilan tanpa ilmu/teori asas penyokong adalah tidak bermakna (Hadiwaratama, 2005).





Begitu juga halnya dengan daerah Aceh, yang merupakan salah satu provinsi di Negara Indonesia. Provinsi ini sedang berupaya untuk meningkatkan kualitas pendidikannya dalam semua bidang. Salah satu usaha yang dilakukan ialah dengan memperbanyak sekolah vokasional (kejuruan) di provinsi Aceh. Seperti yang dilaporkan dalam akhbar, *Serambi Indonesia*, pada 17 Februari 2013 bahawa Kepala Dinas Pendidikan Aceh, Anas M Adam mengatakan, hingga sekarang jumlah Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) di Aceh ialah sebanyak 155 unit sementara Sekolah Menengah Atas (SMA) sebanyak 427 unit di seluruh Aceh. Pada masa hadapan Pemerintah Aceh akan lebih menumpukan kepada pembangunan sekolah kejuruan (vokasional). Perkara ini bagi memenuhi tenaga kerja yang berkualiti yang semakin ramai diperlukan dalam bidang perusahaan dan industri.



Bagi menyokong hal ini, keberkesanan dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sesebuah sekolah vokasional adalah hal penting yang harus dilakukan, kerana ia mempunyai peranan dalam membina ilmu pengetahuan. Hasil daripada keberkesanan tersebut akan memberikan hasil yang positif terhadap tingkah laku seseorang pelajar secara kekal (Siti Atiqah, 2008). Dalam pembelajaran aliran teknikal dan vokasional, bukan hanya pendekatan teori sahaja diterapkan, tetapi pendekatan amali lebih dititikberatkan. Pendekatan amali biasanya dilakukan di bengkel dengan kemudahan yang cukup lengkap, agar pembelajaran berkesan dan memberikan hasil yang baik.





1.2 Pernyataan Masalah

Kualiti pembelajaran dan pengajaran di sekolah vokasional amat berperanan bagi melahirkan tenaga mahir yang berkualiti. Oleh itu, pembelajaran di bengkel di mana para pelajar vokasional mendapat pendidikan formal dalam bidang kemahiran perlulah ditingkatkan lagi keberkesanan dan kualitinya (Siti Atiqah, 2008). Bidang kerja kayu adalah salah satu bidang aliran vokasional yang tidak tertumpu kepada pembelajaran berbentuk teori sahaja tetapi juga melibatkan pembelajaran berbentuk amali di bengkel. Bidang ini sangat memerlukan pengetahuan dan juga kemahiran, lebih lagi dalam penggunaan peralatan dalam bengkel. Namun, ia bergantung kepada keadaan kemudahan di dalam sesebuah bengkel itu untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran akan berjalan dengan efektif. Hanya kemahiran dan pengetahuan saja masih belum cukup dalam pelaksanaan pengajaran secara berkesan (Azizi & Wong, 2007). Kualiti dan kemahiran seseorang guru adalah sangat penting dalam meningkatkan keberkesanan terhadap pembelajaran bidang kerja kayu ini. Keberkesanan pengajaran bergantung juga kepada kecekapan guru dalam merancang dan melaksanakan sesuatu pengajaran (Mok, 2002).

Namun masalahnya, melalui pemerhatian dan laporan yang diperolehi dari Kepala Dinas Pendidikan Aceh, masalah yang dihadapi Sekolah Menengah Kejuruan di Aceh sekarang ini adalah masih kekurangan guru-guru yang produktif serta kelengkapan bengkel masih kurang. Hal ini seperti yang dilaporkan dalam akhbar, *Serambi Indonesia*, pada 5 Januari 2013, di mana Kepala Dinas Pendidikan Aceh, Anas M. Adam mengatakan bahawa guru-guru produktif yang mengajar di SMK di daerah ini masih kurang, banyak guru SMK sekarang ini mengajar bidang yang tidak





sesuai. Selain itu, beliau menambah bahawa masalah lain adalah berkaitan dengan kekurangan peralatan praktikal pelajar, sehingga ada anggapan bahawa lulusan SMK di Aceh masih kurang ketrampilan. Tambahan pula, guru yang produktif dan peralatan untuk praktikal (kemudahan bengkel) merupakan faktor yang mempengaruhi mutu lulusan SMK (*Serambi Indonesia*, 2013). Perkara ini memberi kesan kepada kemerosotan nilai peperiksaan akhir atau nilai Ujian Nasional (UN) pelajar. Seperti yang diberitakan oleh *Modus Aceh* pada 18 November 2014, berdasarkan Laporan Hasil Pemeriksaan terhadap Kinerja Pelayanan Pendidikan Aceh, jumlah pelajar SMK di Aceh yang tidak lulus Ujian Nasional (UN) 2011/2012 adalah seramai 1501 pelajar atau 14.17 peratus. Sedangkan UN 2012/2013, jumlah pelajar yang tidak lulus UN meningkat menjadi 5373 pelajar atau 52.04 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar. Hasil daripada penyelidikan mendapati bahawa kualiti tenaga pendidik mempengaruhi mutu pendidikan di Aceh secara keseluruhan (*Modus Aceh*, 2014). Oleh sebab itu di masa hadapan, Dinas Pendidikan Aceh akan merancang penyediaan kemudahan praktikal dan peningkatan mutu guru.

Selain daripada itu, seperti yang dilaporkan oleh *Antara Aceh* pada tarikh 24 Julai 2014, Kepala Dinas Pendidikan Aceh, Anas M. Adam menyatakan banyak masalah yang dihadapi di SMK di Aceh. Permasalahan–permasalahan tersebut antara lain iaitu: pengurusan SMK yang perlu ditingkatkan, sumber tenaga manusia juga perlu ditambah, serta peralatan amali (kelengkapan bengkel) perlu mencukupi dan teknologi peralatannya mestilah terkini. Tetapi apa yang terjadi di Aceh, pengurusan SMK masih belum mantap. Keberhasilan SMK tersebut bukan hanya diukur daripada berapa banyak pelajar yang lulus melanjutkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi, tetapi keberhasilan SMK juga dilihat dari bilangan graduan SMK yang bekerja dan





mampu membuka perniagaan serta menyediakan peluang pekerjaan. Lulusan SMK tidak hanya memiliki ketrampilan semata-mata, tetapi juga mesti memiliki jiwa keusahawanan. Inilah tujuan SMK yang sebenarnya.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan pada kursus kerja kayu sahaja. Hal ini disebabkan kerana jumlah pelajar sekolah vokasional di Aceh yang meminati bidang kerja kayu adalah sedikit berbanding dengan pelajar yang memilih bidang-bidang lain, sedangkan dewasa ini banyak kesempatan usaha atau peluang kerja yang boleh diperoleh setelah pelajar mempunyai ilmu tentang kursus kerja kayu ini misalnya dalam industri perabot seperti meja, almari, kerusi, kabinet untuk kelengkapan dapur, rak buku, produk kraf dan sebagainya. Tenaga kerja yang mahir tentang teknik kerja kayu atau teknik pertukangan juga semakin ramai diperlukan, seperti di bidang industri perumahan, dalam membuat ukiran, membuat *relief* pada tangga kayu, pagar dan perabot rumah tangga. Begitu juga dalam membuat *parquet* (lantai dari kayu), tangga kayu, konstruksi dari kayu dan sebagainya. Namun peluang perusahaan dan pekerjaan ini tidak dimanfaatkan dengan baik oleh sebahagian besar pelajar yang memasuki sekolah ini.





Jadual 1.1

Jumlah pelajar mengikut bidang kompetensi di Aceh

Nama bidang kompetensi	Jumlah pelajar
Teknik kerja kayu	202
Lukisan kejuruteraan	265
Multimedia	386
Teknik kimpalan (Welding)	331
Teknik kenderaan ringan	1393
Teknik pembaikan motorsikal	852
Teknik komputer dan jaringan	1718
Teknik pemasangan tenaga elektrik	291

(Sumber: Direktorat Pembinaan SMK, Data Pokok SMK, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Nasional, 2014)



Masalah ini mungkin boleh disebabkan oleh beberapa faktor, seperti kurangnya guru–guru yang produktif, peralatan praktikal (kelengkapan bengkel) yang minimal seperti yang dilaporkan oleh Kepala Dinas Pendidikan Provinsi Aceh di akhbar *Serambi Indonesia* pada 5 Januari 2013. Daripada persepsi pelajar pula, hal ini boleh menyumbang kepada pembelajaran yang tidak berkesan di bengkel, sehinggakan mereka tidak dapat mencapai tujuan daripada pembelajaran kerja kayu tersebut yang akhirnya akan mempengaruhi mereka ketika mereka ingin mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan minat mereka.

Selain daripada itu, masalah lain yang berhubungan dengan rendahnya mutu pendidikan di Aceh adalah seperti yang dilaporkan oleh Juniawan (2012), bahawa





pernyataan Kepala Dinas Pendidikan Aceh tentang rendahnya kompetensi guru merupakan fenomena menyedihkan dari dunia pendidikan di Aceh. Hal ini ditambah lagi dengan tidak meluasnya penyebaran guru di setiap daerah. Penelitian Program Pengembangan Kecamatan (PPK) bekerjasama dengan Bank Dunia menunjukkan bahawa sebahagian besar guru tertumpu di kota-kota besar, sementara daerah-daerah terpencil kekurangan guru. Peratusan penempatan guru untuk peringkat SMA/SMK/MA di bandar lebih dominan iaitu mencapai 82.8 % dibandingkan dengan sekolah yang ada di desa dengan hanya 17.1 % (Juniawan, 2012). Kompetensi yang rendah dan taburan para guru yang tidak seimbang di Aceh sebenarnya bukan hanya disebabkan oleh tsunami, tetapi juga konflik yang berpanjangan. Oleh sebab itu, meningkatkan dan mengekalkan kompetensi guru serta menyediakan taburan guru yang seimbang pada setiap daerah adalah hal yang perlu dilakukan dalam membangunkan pendidikan Aceh ke masa hadapan.



Ramlee (2013) turut menyatakan tentang masalah kesukaran dalam mendapatkan guru sekolah vokasional yang baik. Guru sekolah vokasional umumnya tidak memiliki pengalaman industri yang cukup, sedangkan pengalaman itu diperlukan untuk menaikkan kredibiliti program pendidikan vokasional. Dari sudut lain, gaji dan kesejahteraan guru dikatakan sebagai masalah utama. Gaji yang sedikit, kemudahan yang tidak mencukupi, dan persekitaran pekerjaan yang tidak kondusif disebut sebagai beberapa faktor yang boleh menjejaskan prestasi guru dan akhirnya kualiti sekolah vokasional itu sendiri. Mengikut Siti Atiqah (2008), faktor keselamatan dan pengurusan bengkel amat penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan secara efektif. Sugiyono (2013) menyatakan bahawa, melalui hasil pengamatan sementara ke sekolah, masalah yang diperolehi dalam pembelajaran





amali kerja kayu adalah hasil kerja pelajar yang berkualiti masih belum dapat dicapai, kompetensi pelajar juga masih belum mencapai tahap yang diharapkan di industri, serta kurangnya semangat siswa dalam melaksanakan amali kerja kayu.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan oleh pengkaji untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan amali kerja kayu dari perspektif pelajar di sekolah vokasional di Provinsi Aceh, Indonesia. Faktor yang dikaji ialah faktor demografi, faktor kelengkapan bengkel, faktor keselamatan bengkel, faktor kemahiran guru, faktor persekitaran bengkel dan faktor minat pelajar. Masa depan sesuatu bangsa sangat ditentukan oleh kualiti pelajar masa kini. Oleh kerana itu, pendidikan vokasional seperti kerja kayu lebih banyak menekankan pembelajaran dengan pendekatan amali dibandingkan dengan teori. Hal ini bagi memantapkan kualiti pelajar tersebut apabila melibatkan diri ke dunia perniagaan dan industri yang sebenar, selain daripada itu juga pelajar kita mestilah setanding dengan pelajar antarabangsa di seluruh dunia.

1.3 Pendekatan Teori atau Model

Pendekatan teori atau model dalam kajian ini adalah menggunakan Model Pembelajaran Sims, Model Pembelajaran Behaviorisme dan Teori Pembelajaran Konstruktivisme.

Berdasarkan Sims (2006), proses pengajaran berlaku melalui hubungan timbal balik di antara guru dan pelajar dengan objektif dan isi pelajaran dalam sesuatu





persekitaran yang tertentu. Keberkesanan pendekatan amali akan tercapai jika guru dan pelajar saling menyokong dan bekerjasama dalam menciptakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang sihat, dinamik, dan berkesan. Manakala menurut teori behaviorisme keberhasilan belajar ditentukan oleh adanya interaksi antara stimulus dan respon yang diterima oleh manusia. Mengajar atau mendidik perlu dilakukan dengan cara memperbanyak stimulus dan respon yang diberikan kepada pelajar. Thorndike (1932) dan Wirth (1972) berpendapat bahawa pembelajaran terdiri daripada pembentukan hubungan antara stimulus dan respon tertentu melalui aplikasi ‘rewards’. Interaksi antara guru dan murid mesti berlaku dengan baik, perlu ada komunikasi yang baik. Manakala menurut teori konstruktivisme, belajar adalah sebagai satu konstruk pengetahuan (Mayer, 1992). Ini bermakna bahawa belajar adalah satu proses membangun pengetahuan melalui pengalaman. Menurut Fosnot



(1996), konsep dari teori ini ialah pelajar membangun pengetahuan mereka sendiri daripada pengalaman. Pelajar diberi kesempatan untuk berfikir dan meneroka pengetahuan dan pengalamannya sendiri tanpa ada paksaan dan tekanan dari mana-mana pihak. Jika suasana pembelajaran menyenangkan, pelajar akan mudah mencapai tujuan pembelajaran. Ini sesuai dengan amali kerja kayu, kerana ia bukan sahaja menjelaskan teori, malah pelajar diberikan pengalaman yang nyata melalui kerja amali di bengkel, sehingga pelajar dapat memahami tujuan pembelajaran yang sebenarnya.





1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang paling dominan yang mempengaruhi keberkesanan amali kerja kayu dan menilai keberkesanan amali kerja kayu dari perspektif pelajar SV di Provinsi Aceh. Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan amali kerja kayu berdasarkan perspektif pelajar di Sekolah Vokasional di Provinsi Aceh.
2. Menentukan samada wujud perbezaan yang signifikan mengenai faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu berdasarkan faktor demografi.
3. Menentukan pengaruh di antara faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu dengan keberkesanan amali kerja kayu pelajar.



1.5 Persoalan Kajian

Jawapan daripada persoalan-persoalan berikut akan cuba diperolehi dalam kajian ini:

1. Apakah tahap faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu berdasarkan perspektif pelajar di Sekolah Vokasional di Provinsi Aceh?
2. Adakah wujud perbezaan yang signifikan mengenai faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu dan keberkesanan amali kerja kayu berdasarkan faktor demografi?
3. Adakah terdapat pengaruh di antara faktor-faktor keberkesanan amali kerja kayu dengan keberkesanan praktikal kerja kayu pelajar?

